Oleh itu, suatu usaha telah diambil untuk memartabatkan profesion keguruan dan meningkatkan kualiti PdP. Pada 17 Disember 2010, mesyuarat jemaah menteri telah membuat keputusan secara sebulat suara untuk melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) sebagai permulaan program transformasi pendidikan. PBS ini mula beroperasi di semua sekolah rendah pada tahun 2011 dan di sekolah menengah pada tahun 2012. Perubahan ini diambil kira sebagai satu usaha yang penting kerana negara-negara maju juga telah mengubah sistem pentaksiran pendidikan mereka dalam usaha meningkatkan mutu sistem pendidikan masing-masing. (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2012).

PBS ialah satu usaha untuk membangunkan modal insan yang seimbang melalui penekanan terhadap pengamalan etika dan nilai, ilmu pengetahuan, pembudayaan sikap progresif dan modal intelektual sepertimana yang disarankan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP), Pelan Integrasi Nasional (PIN) dan misi nasional. PBS bertujuan untuk memberikan maklumat secara langsung tentang prestasi pembelajaran murid berdasarkan kriteria tertentu (Sharifah Nor Ashikin dan Rohaida, 2005). PBS membolehkan guru mengetahui tahap pencapaian sesuatu objektif pelajaran, iaitu berdasarkan penguasaan standard kandungan dalam KSSR. Murid berpeluang untuk memperbaiki mutu pelajaran melalui tindakan bagi memastikan standard kandungan dapat dicapai. Pelaksanaan PBS berlandaskan Akta Pendidikan 1996 yang dikenali sebagai Akta 550 yang merangkumi Seksyen 67 mengenai peperiksaan, Seksyen 68 mengenai pentaksiran dan Seksyen 69 mengenai pengendalian peperiksaan. Pengendalian PBS ini berasaskan Surat Pekeliling Ikhtisas, iaitu Surat Pekeliling Peperiksaan Bil. 1/2011 dan Surat Pekeliling Lembaga Peperiksaan Bil.1/2014.





Dalam pelaksanaan PBS, guru perlu menyediakan bahan atau sebarang bentuk bukti yang dapat menunjukkan murid telah melaksanakan sesuatu tugas dalam bentuk produk atau proses. Guru perlu menyediakan panduan perkembangan pembelajaran murid dalam mentaksir dan melapor pemeringkatan aras penguasaan murid mengikut tahap-tahap pencapaian berdasarkan hasrat dokumen kurikulum. Menurut Surat Pekeliling Peperiksaan Bil.1/2014, pelbagai instrumen yang sesuai dengan konstruk yang ditaksir boleh digunakan, iaitu tugas bertulis, projek, persembahan, demonstrasi, kajian lapangan dan kajian kes. Menurut Surat Pekeliling Lembaga Peperiksaan 3/2011, terdapat empat komponen penting di bawah Pentaksiran Berasaskan Sekolah, iaitu Pentaksiran Sekolah, Pentaksiran Pusat, Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) serta Pentaksiran Psikometrik. Secara ringkasnya, komponen-komponen ini adalah amat penting untuk menjamin pencapaian seseorang murid itu dan bukan hanya dinilai dengan peperiksaan sahaja.

Pada tahun 2014, bagi memantapkan lagi keberkesanan pelaksanaan PBS, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melakukan semula kajian dan melaksanakan penambahbaikan terhadap PBS agar menjadi lebih mesra guru (Surat Pekeliling Lembaga Peperiksaan Bil 1/2014). Pada tahun 2016, salah satu komponen PBS, iaitu pentaksiran sekolah telah ditukar dan dinamakan sebagai Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Walaupun Pentaksiran Sekolah telah ditukarkan kepada PBD, tetapi konsep keseluruhan pentaksiran tersebut terhadap murid bagi setiap mata pelajaran masih dikekalkan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Guru bertindak sebagai agen pelaksana PBD untuk memastikan objektif PdP dan pentaksiran tercapai. Guru berperanan untuk melaksanakan PBD melalui tiga jenis pentaksiran, iaitu pentaksiran untuk pembelajaran (*assessment for learning*), pentaksiran sebagai pembelajaran



(*assessment as learning*) dan pentaksiran tentang pembelajaran (*assessment of learning*).

Bahagian Pembangunan Kurikulum (2014), menjelaskan bahawa pentaksiran untuk pembelajaran (*assessment for learning*), ialah pentaksiran formatif yang menjadi sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, maklumat perkembangan murid yang didapati daripada pentaksiran tersebut boleh digunakan untuk merancang pengajaran dengan strategi yang lebih berkesan, meningkatkan tahap penguasaan murid terhadap sesuatu subjek dan memantapkan lagi pembelajaran murid. Pentaksiran ini juga dikenali sebagai pentaksiran diagnostik.

Terdapat pelbagai cara yang boleh digunakan oleh guru mengikut kreativiti tersendiri untuk mentaksir kemahiran murid mereka. Kaedah soal-jawab yang dilaksanakan di bilik darjah oleh guru boleh diambil kira sebagai salah satu pentaksiran untuk pembelajaran. Para pengajar boleh juga menggunakan kaedah soal-jawab tersebut untuk mengenal pasti aspek-aspek penting murid seperti pengetahuan murid, nilai murni murid dan juga kemahiran murid. Dengan menggunakan maklumat-maklumat tersebut, guru dapat merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang seterusnya dengan lebih efektif.

Pentaksiran sebagai pembelajaran (*assessment as learning*), berlaku apabila murid membuat refleksi dan menilai perkembangan pembelajaran masing-masing. Hal ini membolehkan mereka memahami tujuan mereka belajar dan menyedari perkara yang patut dilakukan oleh mereka bagi menguasai sesuatu objektif pembelajaran. Pentaksiran sebagai pembelajaran terdiri daripada pentaksiran sendiri dan pentaksiran



rakan sebaya. Maklumat daripada pentaksiran ini memberi petunjuk kepada murid tentang tahap penguasaan mereka dalam pembelajaran. Contoh aktiviti pentaksiran sebagai pembelajaran ialah murid membina peta konsep tentang tajuk yang telah dipelajari bagi mempamerkan pemahaman dan hubungannya dengan pengetahuan semasa. Hal ini membolehkan mereka memahami perkara yang perlu dicapai dan kaedah yang patut dilakukan bagi mencapainya. Pentaksiran sebagai pembelajaran menggalakkan pemikiran metakognisi, iaitu memberi peluang kepada murid belajar dan memikirkan cara mereka belajar (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014).

Satu lagi pentaksiran yang terdapat dalam PBD ialah pentaksiran tentang pembelajaran (*assessment of learning*). Pentaksiran tersebut selalunya dilaksanakan pada akhir sesuatu pembelajaran, tajuk ataupun tempoh pengajaran. Bukan itu sahaja, pentaksiran tersebut juga selalu dilaksanakan dalam bentuk ujian sumatif dan dalam bentuk hasil projek. Data yang diterima daripada ujian sumatif tersebut harus ditangani secara positif dalam proses pembelajaran murid dan tidak seharusnya digunakan sebagai perbandingan prestasi antara murid. Data ujian tersebut digunakan oleh pihak pengajar, waris dan pihak pentadbir sekolah untuk meningkatkan lagi penguasaan murid dalam sesuatu subjek. Tambahan pula, skor ujian yang diperoleh daripada pentaksiran tersebut juga dapat digunakan oleh guru untuk merancang dan melaksanakan pengajaran yang lebih menarik serta konstruktif untuk meningkatkan penglibatan murid dalam pembelajaran seterusnya meningkatkan penguasaan dan pencapaian mereka dalam pembelajaran. Data pentaksiran tersebut juga dijadikan sebagai petunjuk kepada para pengajar sebelum beralih ke tajuk atau unit yang seterusnya.





Antara faktor pelaksanaan PBD berpunca daripada pengiktirafan keterlaluhan terhadap pencapaian akademik semata-mata. Hal ini memberi tekanan kepada guru, murid dan ibu bapa terhadap beberapa permasalahan seperti penekanan terhadap penilaian produk akhir berbanding proses pembelajaran, pengabaian pembentukan modal insan yang seimbang dan tekanan ke atas guru-guru untuk menghabiskan sukatan pelajaran menyebabkan pentaksiran diabaikan serta kurang membantu dalam proses pembelajaran (Surat Pekeliling Lembaga Peperiksaan Bil 14/2018). Malahan, PBD juga menjadi lebih penting dan wajib kepada semua warga pengajar, murid dan ibu bapa apabila mantan Menteri Pendidikan Dr Maszlee Malik, mengumumkan pemansuhan peperiksaan bagi murid tahap satu pada 31 Oktober 2018 (Surat Pekeliling Lembaga Peperiksaan Bil 14/2018). Oleh itu, mata pelajaran Pendidikan Kesihatan juga diberi keutamaan oleh para pengajar semasa pelaksanaan PBD. Hal ini disebabkan mata pelajaran pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan (PJK) juga adalah salah satu subjek elektif yang harus diajar dan ditaksir di sekolah (Surat Pekeliling Iktisas Bil. 25/1998).

Lanjutan daripada itu, satu tindakan telah diambil untuk memartabatkan profesion keguruan, meningkatkan integriti dan keberkesanan proses PdP. Sesetengah negara maju didapati telah mengubah sistem pentaksiran, iaitu dengan tidak melaksanakan peperiksaan awam di sekolah rendah dan sekolah menengah rendah. Secara ringkasnya, sistem pentaksiran yang telah mengalami transformasi ini mampu meningkatkan kecemerlangan sistem pendidikan negara Malaysia.



1.3 Pernyataan Masalah

Merujuk Surat Pekeliling Lembaga Peperiksaan Bil 14/2018, peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun telah dimansuhkan untuk semua subjek bagi murid tahap satu di sekolah rendah. Mengikut surat pekeliling tersebut, pemansuhan peperiksaan tersebut adalah selari dengan matlamat PdP yang lebih mementingkan perkembangan murid secara menyeluruh. Konsep pemansuhan peperiksaan juga adalah untuk mewujudkan situasi pengajaran dan pentaksiran yang lebih kondusif serta menarik. Dengan pemansuhan peperiksaan dalam kalangan murid tahap satu, PBD menjadi satu alat pentaksiran untuk mentaksir prestasi murid. Pelaksanaan PBD oleh para guru membolehkan pihak sekolah dan ibu bapa mendapat maklum balas secara kualitatif dan kuantitatif tentang prestasi diri murid (Aniza dan Zamri, 2016).

Surat Pekeliling Lembaga Peperiksaan Bil 14/2018, menyatakan bahawa terdapat pelbagai contoh aktiviti seperti projek mudah, permainan, kuiz, bercerita, kaedah bermodular dan main peranan yang dapat digunakan untuk melaksanakan PBD. Namun, mengikut analisis data keperluan kajian ini (Bab 4), masih terdapat 46.7 peratus guru-guru tidak melaksanakan PBD selepas PdP. Data ini selari dengan kajian Aniza dan Zamri (2016), yang mendapati bahawa pelaksanaan pentaksiran sekolah masih belum mencapai matlamat sepenuhnya.

Hasil temu bual guru-guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK), iaitu Yogeswari, Aznee Fazilah dan Norlela semasa komunikasi peribadi pada 18 April 2015 menunjukkan bahawa guru-guru PJK sibuk dengan rutin kerja di sekolah dan mereka tidak dapat membina bahan pentaksiran untuk mentaksir murid mereka. Malah, situasi



ini telah menyebabkan mereka membeli bahan pentaksiran seperti buku latihan dari kedai buku, pembekal-pembekal buku dan memuat turun bahan daripada internet. Kenyataan tersebut dikukuhkan lagi dengan pendapat Norazilawati, Noorzeliana, Mohd Sahandri dan Saniah (2015), yang menyatakan bahawa 66.7 peratus para guru tidak menghasilkan bahan pentaksiran disebabkan oleh kekangan masa dan bebanan kerja yang berlebihan. Apabila guru-guru mempunyai masalah ketidaksediaan seperti tidak membina bahan pentaksiran tetapi hanya membelinya daripada pembekal atau memuat turun daripada internet maka wujudlah pelbagai isu seperti kesahan dan kebolehpercayaan tentang bahan pentaksiran tersebut (Yaakob, 2002).

Tidak cukup dengan itu, guru-guru PJK juga didapati tidak mahir dalam membina bahan pentaksiran dan kurang memahami tentang pentaksiran (Gengatharan dan Azali, 2019). Permasalahan ini perlu diteliti dengan lebih mendalam lagi kerana kemahiran pentaksiran guru membolehkan murid mencapai objektif pembelajaran dan kemahiran yang dikehendaki dalam kurikulum (Aniza dan Zamri, 2016). Permasalahan tersebut dikukuhkan lagi dengan kajian Norazilawati et al. (2015), yang menyatakan bahawa guru-guru di sekolah menghadapi masalah serta kompetensi dalam membina item soalan serta pelaksanaan pentaksiran PJK. Kenyataan tersebut selari dengan kajian Othman, Siti Esah, Ahmad Fuaad, Azali dan Omar (2013) yang menyatakan bahawa kebanyakan guru yang mengajar mata pelajaran PJK masih tidak mahir dalam membangunkan item pentaksiran, kurang memahami dan kurang jelas berkaitan dengan maksud pentaksiran serta tidak mempunyai kemahiran untuk mentaksir dan menilai hasil pentaksiran.



Seterusnya, kekurangan pengetahuan, latihan dan kemahiran menambahkan lagi ketidaksediaan guru dalam melaksanakan PBD untuk mata pelajaran PJK di sekolah rendah serta tidak menepati kehendak PBS yang telah digariskan dalam buku panduan pelaksanaan PBS (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Hal ini demikian kerana data daripada analisis keperluan yang dijalankan dalam kajian ini (Bab 4) mendapati bahawa 42.6 peratus guru-guru yang mengajar PJK di sekolah rendah tidak pernah mengikuti mana-mana kursus yang berkaitan dengan subjek tersebut dan 49.1 peratus guru-guru yang mengajar PJK ialah guru bukan opsyen PJK. Dapatan tersebut selari dengan kajian Radin (2018), yang menyatakan bahawa guru-guru mahukan latihan yang profesional dalam pentaksiran bagi mendapatkan pengetahuan dan kemahiran pentaksiran agar mereka boleh melaksanakan PBS dengan jayanya



Rentetan daripada itu, didapati terdapat pelbagai kaedah penggunaan modul,

dalam pelbagai mata pelajaran telah digunakan dalam PdP seperti Sejarah (Kaviza, 2019), Sains (Mohd Nazri, Ramlee, Nik Azimah dan Rosnidar, 2017) Pendidikan Vokasional (Muhammad Asri et al., 2016), Pendidikan Jasmani (Liza, 2016), Bahasa Arab (Amani, 2014) dan Fizik (Norliana dan Shaharom, 2014). Selain itu, pelbagai kajian yang berkaitan dengan penyediaan modul seperti pembelajaran dan pengajaran (Kor, 2008; Noraini, 2013; Rosihan dan Kee, 2004) dan modul penerapan nilai dalam PdP (Habsah, 2000; Mohd Arip, 2000; Mantak, 1993; Nik Zaharah, 2006; Nor Hayati, 2001; Robiah, 1999; Tunku Sarah, 1997) juga diterbitkan. Walaupun kaedah penggunaan modul telah digunakan dalam pelbagai bidang dan pelbagai subjek tetapi hanya sedikit kajian telah dilakukan berkaitan modul pentaksiran Pendidikan Kesihatan kerana kebanyakan kajian tertumpu kepada subjek teras sahaja (Gengatharan, Azali dan Krishnan, 2020).



Secara keseluruhan terdapat pelbagai jurang dalam kajian ini yang harus diselesaikan. Isu utama yang terdapat dalam kajian ini ialah isu Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). PBD telah menjadi satu aspek yang penting dalam sistem pendidikan selepas pemansuhan peperiksaan tetapi masih terdapat pelbagai isu yang timbul ketika melaksanakannya di sekolah. PBD tidak dilaksanakan secara sepenuhnya di sekolah oleh guru dan kenyataan tersebut dikukuhkan oleh kajian Siti Hauzimah (2019), yang menyatakan bahawa banyak cabaran dan masalah yang dihadapi oleh guru untuk melaksanakan PBD dengan berkesan. Bukan itu sahaja, para pengajar juga terlalu sibuk dengan rutin kerja sekolah sehingga tidak dapat membina bahan pentaksiran untuk melaksanakan PBD bagi subjek Pendidikan Kesihatan. Tambahan lagi, para pengajar juga tidak mahir dalam pembinaan bahan pentaksiran sehingga ada kajian yang menunjukkan para guru mahu dibekalkan dengan sumber material seperti panduan perkembangan pembelajaran murid, manual pentaksiran, contoh instrumen, contoh pemarkahan dan sebagainya (Radin, 2008). Ketidaksediaan guru ini disebabkan oleh kurangnya ilmu pengetahuan, latihan dan kemahiran berkaitan dengan mata pelajaran tersebut apabila kebanyakan guru yang mengajar Pendidikan Kesihatan tidak pernah menghadiri mana-mana kursus yang berkaitan dengan Pendidikan Kesihatan dan mereka juga bukan guru opsyen PJK. Selain itu, isu yang menjadi satu lagi aspek yang penting dalam pernyataan masalah kajian ini ialah kurang kajian terhadap PBD dan subjek Pendidikan Kesihatan. Oleh itu, Aniza dan Zamri (2016) mencadangkan supaya kajian berkaitan dengan PBD diperbanyakkan memandangkan PBS merupakan satu transformasi yang masih baharu di Malaysia. Oleh itu, penyelidik telah bercadang untuk membangunkan satu modul pentaksiran untuk mata pelajaran Pendidikan Kesihatan bagi guru tahun satu. Modul pentaksiran ini akan mengadaptasikan pelaksanaan PBD

dengan telus agar boleh menjadi satu jalan penyelesaian bagi segala isu dan jurang yang telah disenaraikan.

1.4 Objektif Kajian

Secara khususnya, objektif kajian ini telah dibina seperti yang berikut:

- i. Mengenal pasti keperluan reka bentuk dan pembangunan modul pentaksiran Pendidikan Kesihatan bagi guru tahun satu untuk pelaksanaan pentaksiran bilik darjah.
- ii. Mereka bentuk dan membangunkan modul pentaksiran Pendidikan Kesihatan bagi guru tahun satu untuk pelaksanaan pentaksiran bilik darjah mengikut pandangan pakar.
- iii. Menguji keberkesanan penggunaan modul pentaksiran Pendidikan Kesihatan yang dibangunkan untuk pelaksanaan pentaksiran bilik darjah.
- iv. Menilai kebolegunaan modul pentaksiran Pendidikan Kesihatan berdasarkan pandangan guru yang melaksanakan pentaksiran bilik darjah.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, persoalan-persoalan kajian telah dibina seperti yang berikut:

**Persoalan 1 (Bagi objektif 1):**

Adakah terdapat keperluan untuk mereka bentuk dan membangunkan modul pentaksiran Pendidikan Kesihatan bagi guru tahun satu untuk melaksanakan pentaksiran bilik darjah?

- i. Apakah tahap pengetahuan guru tahun satu dalam pengajaran Pendidikan Kesihatan?
- ii. Apakah tahap kemahiran guru tahun satu dalam pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah?
- iii. Apakah perkara yang boleh dijadikan sebagai konstruk utama untuk modul pentaksiran Pendidikan Kesihatan yang akan digunakan untuk pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah?

**Persoalan 2 (Bagi objektif 2):**

- i. Apakah konstruk-konstruk utama yang sesuai bagi modul pentaksiran Pendidikan Kesihatan dari aspek kesepakatan pakar?
- ii. Apakah item-item yang sesuai bagi modul pentaksiran Pendidikan Kesihatan dari aspek kesepakatan pakar?

Persoalan 3 (Bagi objektif 3):

- i. Adakah terdapat perbezaan dari segi keberkesanan antara kumpulan murid yang mengikuti modul pentaksiran Pendidikan Kesihatan dengan murid yang tidak mengikutinya?





Persoalan 4 (Bagi objektif 4):

- i. Apakah penilaian kebolegunaan modul pentaksiran Pendidikan Kesihatan berdasarkan pandangan guru tahun satu yang melaksanakan pentaksiran bilik darjah?

1.6 Kepentingan Kajian

Kesediaan guru dan bahan pentaksiran ialah elemen yang paling mustahak dalam menjayakan sesuatu kurikulum (Nik Azis, 1997). Kajian seperti ini penting kerana dapat memberi input untuk penambahbaikan kurikulum pada masa depan (Dusenbury, Brannigan, Falco dan Hansen, 2003; Graber, 2001). Menurut Dusenbury et al., (2003), dengan menjalankan kajian terhadap pelaksanaan sesuatu kurikulum, kefahaman terhadap faktor-faktor penyebab kejayaan atau kegagalan dapat dikenal pasti dan diatasi pada masa-masa akan datang.

Sekiranya tiada kajian pentaksiran kurikulum dilaksanakan maka tiada data yang diperoleh untuk menentukan kejayaan atau kegagalan pelaksanaan kurikulum (Dane dan Schneider, 1998). Maka, kajian yang membangunkan modul pentaksiran Pendidikan Kesihatan ini mampu memberikan impak kepada badan tertinggi dalam pengurusan pendidikan, iaitu KPM dan BPK dengan menyediakan satu lagi khazanah ilmu yang penting dari aspek penghasilan bahan pentaksiran yang spesifik untuk subjek elektif yang selalu dipinggirkan. Modul tersebut juga boleh dijadikan sebagai rujukan atau panduan oleh mana-mana pihak atau penyelidik yang akan datang.





Dengan penggunaan modul pentaksiran Pendidikan Kesihatan, para pengajar yang tidak mahir membina item pentaksiran atau soalan pentaksiran, lebih-lebih lagi guru yang bukan opsyen PJK juga boleh mentaksir pengetahuan dan kemahiran murid dalam subjek tersebut. Hal ini kerana susunan dan soalan yang terdapat dalam modul pentaksiran tersebut mengambil kira Rancangan Pengajaran Tahunan, Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran serta buku teks Pendidikan Kesihatan tahun satu. Situasi ini menyebabkan semua guru di sekolah, boleh mentaksir ilmu murid dalam subjek Pendidikan Kesihatan dengan menggunakan modul tersebut. Hal ini dapat meringankan beban kerja pihak pentadbir untuk memantau para guru dalam pelaksanaan PBD untuk subjek Pendidikan Kesihatan.

Modul pentaksiran ini juga mampu mengurangkan beban kerja guru di sekolah.



Memang terdapat kenyataan bahawa guru mempunyai kekurangan masa untuk membina bahan pentaksiran bagi menilai murid mereka. Modul ini mampu meringankan lagi tugas guru. Guru juga dapat mentaksir pengetahuan murid tahap satu dengan lebih efektif dan menarik. Modul ini juga dapat memberikan lebih ruang dan masa kepada para guru untuk meneliti serta memberi lebih perhatian terhadap kelemahan yang wujud dalam kalangan murid di kelas. Hal ini boleh dijadikan sebagai petunjuk kepada para pengajar untuk penguasaan pedagogi subjek Pendidikan Kesihatan dan dengan panduan ini, guru terus dapat merancang dan melaksanakan aktiviti yang melibatkan murid secara aktif. Bukan itu sahaja, penggunaan modul pentaksiran Pendidikan Kesihatan ini juga dapat mengelakkan guru-guru sekolah daripada memuat turun bahan pentaksiran daripada internet dan membeli buku latihan subjek Pendidikan Kesihatan daripada pembekal buku yang mempunyai masalah kualiti dan kebolehpercayaan. Secara keseluruhan, penggunaan modul ini juga menggalakkan para pengajar untuk membuat





pentaksiran sekerap yang mungkin untuk menilai kemahiran dan pengetahuan murid mereka dalam bilik darjah.

Malahan, penggunaan modul pentaksiran untuk menilai murid menjadikan suasana pengajaran dan pentaksiran lebih menyeronokkan (Surat Pekeliling Lembaga Peperiksaan Bil 14/2018). Hubungan yang kuat antara murid dengan guru akan mewujudkan sikap saling membantu dan dapat meningkatkan penguasaan ilmu secara informal (Surat Pekeliling Lembaga Peperiksaan Bil 14/2018). Dengan penggunaan modul tersebut, murid mampu lebih ceria, malahan dapat meningkatkan kemahiran interpersonal dan komunikasi. Modul pentaksiran ini juga boleh digunakan sebagai suatu alat pengukur untuk mengukur ketiga-tiga domain utama, iaitu kognitif, afektif dan psikomotor dalam kalangan murid tahun satu. Dengan mentaksir murid melalui penggunaan modul pentaksiran, guru boleh mengatasi kekurangan yang berlaku dalam mana-mana domain tersebut.

Oleh itu, penyelidik berharap kajian ini akan membuka satu lagi lembaran baharu untuk para pengajar melaksanakan proses pentaksiran terhadap Pendidikan Kesihatan secara lebih mendalam berdasarkan modul pentaksiran yang dihasilkan. Jika penggunaan modul pentaksiran Pendidikan Kesihatan dalam pengajaran tahun satu ini mampu menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan terhadap peningkatan dalam pencapaian dan domain murid, maka penyelidik ingin untuk mencadangkan modul tersebut diperluaskan penggunaannya di peringkat kebangsaan.





1.7 Batasan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mereka bentuk dan membangunkan modul pentaksiran Pendidikan Kesihatan untuk guru tahun satu dalam pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah. Pengetahuan guru, kurikulum dan sistem pendidikan merupakan dimensi yang cukup besar untuk mencakupi pelbagai komponen (Tickle, 1999; Wiseman dan Smith, 2002).

Pemilihan sampel kajian ini terbatas apabila hanya melibatkan para pengajar yang mengajar Pendidikan Kesihatan di negeri Kedah sahaja. Oleh yang demikian, penyelidik hanya memilih seorang guru yang mengajar subjek Pendidikan Kesihatan untuk murid tahun satu sahaja. Bukan itu sahaja, hanya murid tahun satu di daerah Kuala Muda, Negeri Kedah sahaja yang dipilih oleh penyelidik untuk menguji keberkesanan modul tersebut.

Di samping itu, modul pentaksiran Pendidikan Kesihatan tersebut juga hanya direka bentuk dan dibangunkan dalam bahasa Melayu sahaja atas beberapa justifikasi. Antaranya adalah kekangan masa yang terpaksa dilalui oleh penyelidik untuk menyiapkan tesis. Selain itu, pakar untuk menterjemahkan modul tersebut dalam bahasa-bahasa lain seperti bahasa Tamil dan bahasa Cina adalah terlalu sukar untuk dicari oleh penyelidik. Secara rumusannya, batasan kajian seperti yang dinyatakan di atas, difokuskan dalam kajian ini untuk menjayakan penyelidikan ini.



1.8 Definisi Operasional

Terdapat beberapa istilah telah dikenal pasti dan digunakan dalam penyelidikan ini secara operasional. Istilah yang digunakan ialah reka bentuk dan pembangunan, modul pentaksiran, Pendidikan Kesihatan, pengajaran guru, pentaksiran bilik darjah dan tahun satu.

1.8.1 Reka Bentuk dan Pembangunan

Dalam kajian ini, metodologi penyelidikan reka bentuk dan pembangunan lebih dikenali sebagai *Design and Development Research* (DDR). DDR ialah proses yang digunakan dalam membangunkan modul pentaksiran Pendidikan Kesihatan berdasarkan kepada tiga fasa yang terdapat dalam metodologi tersebut. Proses pembangunan modul ini melibatkan fasa-fasa seperti fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan dan fasa pelaksanaan serta penilaian. Pembangunan modul ini berdasarkan kerangka kajian DDR sepertimana yang dipelopori oleh Richey, Klein dan Nelson (2004).

1.8.2 Modul Pentaksiran

Terdapat pelbagai definisi untuk modul. Modul menyediakan maklumat asas, menerangkan definisi, istilah, konsep dan contoh instrumen agar dijadikan sebagai panduan oleh guru untuk melaksanakan pentaksiran dan menilai pengetahuan serta



perkembangan murid sama ada di sekolah rendah maupun menengah (Sidek dan Jamaluddin, 2005). Kenyataan tersebut disokong oleh Warwick (1988), dengan memberi pandangan bahawa modul boleh dikatakan sebagai satu unit yang lengkap untuk melaksanakan pembelajaran. Dalam kajian ini, modul merujuk kepada modul pentaksiran Pendidikan Kesihatan yang merangkumi bahan pentaksiran yang menyeluruh untuk mentaksir tahap penguasaan ilmu para murid tahun satu semasa PBD dilaksanakan untuk subjek Pendidikan Kesihatan.

1.8.3 Pendidikan Kesihatan

Anspaugh dan Ezell (2007) menyatakan bahawa Pendidikan Kesihatan dikatakan sebagai pengetahuan yang harus dipelajari oleh semua untuk membentuk amalan kesihatan yang baik dalam kehidupan seharian seseorang. Pendidikan Kesihatan juga berperanan sebagai pelengkap yang dapat memaksimumkan potensi dan kebolehan seseorang individu. Sementara itu, menurut Wee (2009), Pendidikan Kesihatan ialah suatu alat yang membolehkan seseorang individu menjadi ahli masyarakat yang boleh membuat keputusan secara sukarela, mengubah suai dan mengubah keadaan sosial demi meningkatkan kesihatan diri. Dalam kajian ini, konsep Pendidikan Kesihatan adalah untuk membekalkan ilmu pengetahuan tentang Pendidikan Kesihatan kepada murid tahun satu dan membuat pentaksiran menggunakan modul pentaksiran untuk mengetahui tahap pengetahuan murid dalam subjek tersebut semasa pelaksanaan PBD.





1.8.4 Tahun Satu

Murid-murid yang terdiri daripada bangsa Melayu yang mengikuti pendidikan formal pada peringkat sekolah rendah. Murid-murid terdiri daripada murid lelaki dan perempuan yang berumur 7 tahun. Dalam kajian ini, para murid yang dipilih ialah murid tahun satu yang sedang belajar di sekolah rendah, iaitu salah satu sekolah kebangsaan, yang terdapat di Negeri Kedah.

1.8.5 Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan pentaksiran yang berterusan dalam sesi PdP bagi mendapatkan maklumat tentang perkembangan, kemajuan, kebolehan dan pencapaian murid. PBD berlaku secara formatif dan sumatif, sama ada sebagai pembelajaran, ataupun untuk pembelajaran. Pentaksiran Sekolah telah dikenali sebagai PBD bermula pada hujung tahun 2016. PBD mengekalkan semua konsep pentaksiran sekolah dan melibatkan penentuan tahap penguasaan murid dalam setiap mata pelajaran. Tahap penguasaan ini dinyatakan dalam Standard Prestasi (SP) seperti yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), Kurikulum Standard Kelas Peralihan dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah. Kesemua data atau maklumat yang didapati daripada pentaksiran tersebut tidak boleh digunakan untuk perbandingan atau persaingan antara murid sebaliknya hendaklah digunakan oleh para pengajar, ibu bapa dan pihak sekolah untuk merancang tindakan



yang seterusnya bagi meningkatkan tahap penguasaan dan pencapaian para murid dalam pelajaran.

Terdapat pelbagai aspek yang boleh diukur melalui PBD merangkumi pelbagai kecerdasan murid dan perkembangan emosi serta sahsiah murid. Aspek yang diukur ini termasuklah aspek nilai dan kompetensi yang diperlukan dalam dunia kini, di samping perkembangan kognitif, afektif dan psikomotor seperti yang dinyatakan dalam DSKP. Dalam kajian ini, PBD merujuk kepada penggunaan modul pentaksiran Pendidikan Kesihatan untuk murid tahun satu bertujuan untuk melaksanakan pentaksiran.

1.9 Rumusan

Kementerian Pendidikan Malaysia telah membawa pelbagai perubahan dalam kurikulum dan pentaksiran agar negara kita bergerak seiring dengan perkembangan globalisasi. Falsafah Pendidikan Kebangsaan, pelaksanaan Wawasan 2020 (1991) dan kurikulum terbaharu, iaitu KSSR telah digubal untuk mencapai taraf pendidikan yang setaraf dengan negara-negara maju.

Visi utama KSSR adalah untuk mengurangkan aspek peperiksaan dalam pendidikan sekolah rendah. Dalam usaha ini, guru diberikan peranan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka, iaitu melaksanakan PdP di bilik darjah dengan mengaplikasikan kehendak KSSR ini. Menerusi pembacaan dan pencarian penyelidikan, didapati hanya sedikit kajian yang telah dijalankan terhadap pentaksiran, terutamanya dalam membangunkan modul pentaksiran untuk subjek Pendidikan Kesihatan. Kajian



ini juga bertujuan untuk membangunkan modul pentaksiran untuk subjek Pendidikan Kesihatan untuk murid tahun satu dalam pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah.

